

Nilai kemanusiaan terserlah di UIAM

BH 14 APR 2001

PERTANYAAN bila lagi hendak ke Malaysia oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melawat Universiti Emirates, di Emiriah Arab Bersatu bagi Tan Sri Prof Dr Mohd Abdul Rauf tiada membawa maksud tersirat.

Mohd berkata, tidak timbul sebab-rang syak wasangka pada dirinya mengenai pertanyaan itu kerana baginya pertanyaan itu adalah sesuatu yang biasa diucapkan dalam perbualan.

Bagaimanapun, katanya, apabila pada 1983 beliau menerima panggilan Tan Sri Sulaiman Daud, Menteri Pendidikan ketika itu, fikirannya terus teringat kembali perbualan singkat dengan Dr Mahathir.

"Selepas Dr Mahathir memberi ucapan sempena lawatannya itu, semua tetamu diraikan dengan jamuan makan tengah hari. Dalam perjalanan ke dewan makan, saya berjalan seiring dengan beliau.

"Dr Mahathir bertanya kepada saya, bila lagi hendak ke Malaysia? Saya jawab, jika ada rezeki dan diizinkan Allah saya akan kembali juga ke sana. Perbualan kami tamat di situ saja.

"Selepas Sulaiman menelefon saya memberitahu bahawa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sudah ditubuhkan dan kerajaan mengambil keputusan melantik saya sebagai Rektor, ingatan saya kembali kepada perbualan singkat itu.

"Saya terus berkata kepada diri saya, mungkin Dr Mahathir memang berniat untuk memberi isyarat kepada saya, cuma saya yang tidak tahu apa bermain di fikiran beliau," katanya.

Pelantikan itu walaupun satu penghormatan dan kejutan kepadanya, Mohd memberitahu Sulaiman beliau terpaksa menolaknya. Sebaliknya, beliau menawarkan diri menjadi pensyarah atau penasihat kepada Rektor saja.

Tetapi, katanya, Sulaiman berkeras meminta beliau menerima jawatan sebagai Rektor UIAM kerana itu adalah keputusan Dr Mahathir dan Kabinet, apatah lagi segala persiapan sudah dibuat termasuk tiket kapal terbang untuk ke Malaysia.

Antara takut dan gembira, akhir-

PERTEMUANNYA dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Universiti Emirates, di Emiriah Arab Bersatu sekitar awal 80-an bagi Tan Sri Prof Dr Mohd Abdul Rauf, 83, hanyalah pertemuan biasa. Namun tidak disangka, pertemuan itu akhirnya membuka peluang kedua kepadanya datang semula ke Malaysia untuk menabur budi dalam bidang pengajian Islam yang dipelopornya sebelum ini. Ikuti temu bual wartawan *Berita Harian*, Hasliza Hassan dengan Rektor pertama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), yang mengimbuai kembali pengalamannya berkhidmat di universiti berkenaan.

nya Mohd menerima juga jawatan itu kerana selain dapat kembali ke Malaysia untuk berjumpa rakan lamanya, kedatangannya untuk berkhidmat kepada negara yang dianggap sebagai negara sendiri.

"Hakikatnya memang saya takut. Saya takut gagal memikul tanggungjawab itu. Tetapi sebaik masuk ke dalam kapal terbang, hati saya melonjak kegembiraan dan isteri saya bertanya kenapa nampak gembira?"

"Saya menjawab, saya memang sayangkan Malaysia dan tidak akan lupa jasa Tuanku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn yang banyak membantu saya ketika mula datang ke Malaysia," katanya.

Sebagai Rektor kepada sebuah universiti yang baru ditubuhkan, Mohd berkata, beliau memikul tanggungjawab berat iaitu untuk merealisasikan visi dan misi UIAM.

Ketika itu, katanya, hanya tiga kursus awal yang diperkenalkan iaitu kursus Undang-undang, Ekonomi dan Ilmu Teras.

Beliau berkata, cabaran pertamanya ialah mengadunkan ilmu kedua-dua yang sedia ada ke dalam acuan ilmu Islam menjadi satu gabungan ilmu lengkap sesuai untuk pengajian di UIAM.

Katanya, semua pensyarah, tenaga kerja pengurusan dan pelajar sendiri menunjukkan kesungguhan tinggi sehingga UIAM berjaya memperkenalkan kurikulum pengajian dalam bentuk gabungan dua bidang ilmu itu.

Lima tahun memegang pucuk pimpinan UIAM bermula daripada penubuhannya (1983-1988), Mohd mengakui banyak yang perlu dipertingkatkan dan beliau mencuba sebaik mungkin untuk memenuhi keperluan bidang pengajian universiti itu.

"Sebenarnya saya tidak layak untuk memperkatakan mengenai UIAM apatah lagi dengan keadaannya yang sudah semakin hebat dan canggih sekarang.

"Pada saya, penghargaan perlu diberi kepada semua warga UIAM," katanya.

Menyentuh mengenai pembukaan rasmi UIAM Gombak oleh Dr Mahathir pada Selasa depan, Mohd berkata, majlis itu perlu dilihat sebagai hari bersejarah bukan saja untuk UIAM yang ada sekarang, malah UIAM yang ditubuhkan pada 1983.

Katanya, tidak dinafikan kampus UIAM Gombak yang tersergam indah menjadi kebanggaan semua, tetapi itu bukan segalanya kepada UIAM kerana yang lebih penting ialah elemen kemanusiaan dalamnya.

"Kejayaan UIAM tidak dilihat daripada bangunan indah tetapi kerana sokongan kerajaan serta pasukan penggerak daripada tenaga kerja pengurusan dan pengajaran.

"UIAM kini memiliki kursus dalam semua cabang ilmu di dunia, termasuk yang terkini, Teknologi Maklumat. Ini adalah cabaran kepada universiti ini, tetapi saya yakin UIAM akan terus menyinar melalui kepe-

Islam bertaraf antarabangsa.

Ini katanya, kerana sejarah pembabitan beliau dalam sistem pengajian Islam di negara ini (Tanah Melayu) bermula pada 1955 apabila dihantar oleh Universiti Al Azhar, Mesir dalam misi memperkembangkan pengajian Islam.

Pada 8 April 1955, Kolej Islam Klang (KIK) ditubuhkan dan Mohd adalah orang yang bertanggungjawab menyediakan kurikulum dan buku untuk pengajian Islam di kolej itu.

Selepas dua tahun di Tanah Melayu, kontraknya tamat dan beliau dipanggil balik oleh pihak pengurusan Al Azhar. Bagaimanapun, katanya, kerajaan Tanah Melayu masih memerlukan khidmat beliau dan akhirnya Al Azhar terpaksa mengalah.

Mohd berkata, beliau gembira berada di Tanah Melayu kerana selain terbabit dengan penubuhan KIK, beliau juga menyumbangkan baktinya dalam penubuhan fakulti pengajian Islam di Universiti Malaya (UM).

"Saya bangga kerana khidmat saya memberi manfaat kepada masyara-

kat Islam di sini dan lebih menggem-birakan ialah selepas kemerdekaan Tanah Melayu, agama Islam ditetapkan sebagai agama rasmi dalam Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Selepas sembilan tahun di sini, akhirnya Mohd terpaksa menurut kehendak pengurusan Al Azhar supaya beliau kembali ke Mesir.

Kemudian beliau dihantar berkhidmat sebagai Rektor di Pusat Islam di New York selama lima tahun sebelum dipindahkan ke Washington dan berkhidmat di sana selama sembilan tahun.

Pada 1983, beliau dilantik sebagai Rektor pertama UIAM sehingga kontraknya tamat pada 1988. Tetap meneruskan perjuangannya mengembangkan pengetahuan Islam, Mohd tahun meniti hari-hari persaraan dengan menghasilkan buku-buku agama.

Beliau telah menghasilkan 80 buku, antara yang popular ialah Cara belajar Bahasa Arab. Beliau sedang menghasilkan buku baru mengenai tajwid membaca al-Quran.

mimpinan Rektornya, Prof Mohd Kamal Hassan," katanya.

Ditanya apakah beliau sedar wujudnya pertelingkahan pendapat mengenai asal usul UIAM, Mohd tidak menafikan turut mendengar desas desus yang mempersoalkan siapakah pemilik sebenar idea penubuhan UIAM.

"Apa yang boleh saya perkatakan, saya masih ingat lagi ucapan Dr Mahathir ketika lawatannya ke Universiti Emirates.

"Beliau berkata, Kerajaan Malaysia menghantar pelajarannya melanjutkan pelajaran ke Eropah tetapi malangnya mereka terpengaruh dengan budaya negara itu.

"Mereka meninggalkan nilai Islam. Jika diberi pilihan, saya ingin pelajar Malaysia menuntut ilmu dalam negara sendiri supaya nilai Islam itu dapat dikekalkan.

"Pada mulanya saya tidak faham apa dia nilai Islam yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir tetapi selepas penubuhan UIAM dan kedatangan saya sebagai Rektor di sini, barulah saya tahu apa itu nilai Islam yang dikatakan Dr Mahathir.

"Setahu saya, penubuhan UIAM adalah atas usaha Dr Mahathir, idea asli beliau untuk menerap dan mengekalkan nilai Islam kepada pelajar Malaysia," katanya.

Jodohnya dengan UIAM walaupun hanya lima tahun, Mohd tetap bangga kerana turut terbabit dalam usaha membantu kerajaan menjayakan impian menubuhkan sebuah universiti